

# 5 kawasan catat IPU sangat tidak sihat

UTUSAN Malaysia 02/09/2019 M/S 10

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 16 SEPT.

**S**ITUASI jerebu di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan hari ini bertambah buruk apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap sangat tidak sihat dengan bacaan 203.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam kenyataan memaklumkan, selain Putrajaya empat kawasan lain yang juga berada pada tahap sama adalah Johan Setia, Klang (205), Sri Aman, Sarawak

(219), Samarahan, Sarawak (219) dan Kuching, Sarawak (247).

“Ini adalah disebabkan oleh jerebu merentas sempadan dan juga terdapat beberapa kejadian kebakaran kecil yang dilaporkan di Johan Setia.

“Selain itu, kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang pantai barat, selatan dan timur Semenanjung Malaysia, barat Sarawak dan sekitar kawasan Tawau dan

Sandakan, Sabah,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Pada masa sama, JAS menjelaskan, sehingga pukul 10 pagi ini, terdapat 29 stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat antaranya di Cheras, Kuala Lumpur (155), Sarikei, Sarawak (159), Nilai, Negeri Sembilan (170) dan Indera Mahkota Kuantan, Pahang (174).

Tambah JAS lagi, sebanyak 10 stesen di seluruh negara mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 24 stesen lagi pula pada tahap sederhana.

Dalam pada itu, JAS memak-

lumkan, berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura, terdapat pengurangan pada bilangan titik panas berbanding semalam dengan 450 titik panas dikesan di Sumatera manakala 455 titik panas di Kalimantan, Indonesia dan satu titik panas pula dikesan di dalam negara ini iaitu di Sabah.

“Terdapat juga titik-titik panas yang tidak dapat dicerap oleh imej satelit disebabkan oleh litupan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

“Selain itu, menurut Peta Jer-

ebu Serantau ASMC menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan kebakaran di timur, barat, tengah dan selatan Kalimantan dan Jambi, Riau, Sumatera Selatan dan Lampung di Sumatera, Indonesia,” ujar kenyataan itu.

JAS menjelaskan, arah pergerakan angin daripada arah barat laut telah membawa asap jerebu dari Kalimantan dan Sumatera ke kawasan barat Sarawak, timur Sabah dan seluruh Semenanjung Malaysia dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU kepada tahap tidak sihat dan sangat tidak sihat.



KEADAAN jerebu sekitar Putrajaya (gambar kiri) dan pemandangan dari udara Bandar Raya Kuching (gambar kanan) mencatatkan IPU sangat tidak sihat semalam. - BERNAMA